

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HSM 414 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dalam perkembangan ekonomi eksport kolonial di Tanah Melayu sumber tenaga perburuhan utama adalah berasaskan kaum buruh imigren manakala kaum Melayu langsung diketepikan. Mengapa?
2. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa pergerakan buruh antara 1937 dan 1941 adalah berkait rapat dengan kesan-kesan kemelesetan dunia pada awal 1930an?
3. Adakah faktor perbezaan ethnik dan budaya kaum buruh China dan India mencukupi untuk menjelaskan bahawa kedua-dua kumpulan buruh tidak berjuang bersama untuk menyelesaikan masalah sosio-ekonomi mereka?
4. Selepas pendudukan Jepun, Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya memainkan peranan yang berkesan dalam pergerakan buruh antara 1945 dan 1948. Apakah asas kejayaan pertubuhan itu yang membolehkannya mendapatkan sokongan yang kukuh daripada kaum buruh?
5. Bagaimanakah pihak kerajaan kolonial berjaya mempertahankan kedudukannya daripada cabaran kesatuan sekerja anjuran komunis antara 1945 dan 1948?
6. Dengan pembubaran Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya pada Jun 1948, John Brazier telah mengistiharkan tahap "pergerakan kesatuan sekerja baru". Bagaimanakah tahap baru ini berbeza daripada pergerakan buruh antara 1945 dan 1948 dan apakah objektif-objektif pihak kerajaan sebenarnya?
7. Syarat-syarat yang termaktub dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 adalah bertujuan untuk membendung kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja China, peranan Parti Buruh dan pengaruh politik dan kesatuan sekerja Singapura. Bincangkan.